

HUBUNGAN PENDIDIKAN KEAGAMAAN OLEH IBU BAPA DAN PERTAUTAN RAKAN SEBAYA DENGAN AKHLAK BELIA DI INSTITUSI PENGAJIAN AWAM TERPILIH DI SELANGOR

ROHANA TAN, NORHASNI ZAINAL ABIDIN,
AZIMI HAMZAH & FATHIYAH MOHD FAKHRUDIN

ABSTRAK

Pembangunan belia sebagai asset negara perlu diberi fokus utama bagi memastikan kemajuan sesebuah negara berlangsung dengan sempurna. Ini kerana maju atau mundur sesebuah negara turut diukur daripada kualiti akhlak belianya pada hari ini. Ibu bapa dan rakan sebaya merupakan faktor penting dalam proses pembentukan akhlak belia. Artikel ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan pendidikan keagamaan oleh ibu bapa dan pertautan rakan sebaya dengan penghayatan akhlak islam dalam kalangan belia universiti. Pemilihan sampel dalam kajian ini dilakukan secara rawak berstrata melibatkan 403 sampel daripada kalangan belia universiti yang berusia antara 19 hingga 25 tahun. Data dianalisis menggunakan SPSS versi 20 dengan menggunakan kaedah analisis inferensi korelasi pearson. Hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan signifikan sederhana ($r=.45$, $p=.000$) antara pendidikan keagamaan oleh ibu bapa dengan penghayatan akhlak islam, manakala antara pertautan rakan sebaya dengan penghayatan akhlak islam pula wujudnya hubungan signifikan rendah ($r=.29$, $p=.000$). Hasil penemuan kajian ini diharap memberi input kepada agensi-agensi yang terlibat dengan pembangunan belia dan masyarakat supaya mengambil kira faktor pendidikan keagamaan oleh ibu bapa dan pertautan rakan sebaya dalam program pembangunan belia.

Kata Kunci: Belia, Pendidikan Keagamaan, Ibu Bapa, Pertautan Rakan Sebaya, Akhlak

ABSTRACT

Youth is our greatest asset and pillar for the country. In line with that, this research focus on the relationship of religious education and peer attachment towards moral value among university youth. The sample consisted of 403 university youth which were selected through the stratified random sampling method. The quantitative data were analyzed by SPSS version 20 using inferential pearson's correlation analysis. The findings indicated that significant relationship of religious education ($r=.45$, $p=.000$) and peer attachment ($r=.29$, $p=.000$) towards moral value among university youth. Consequently, findings of the study will provide recommendation to all relevant agencies that need to integrate these factors to the positive youth development programme in Malaysia.

Keywords: Youth, Religious Education, Parent, Peer Attachment, Moral

PENGENALAN

Belia adalah tunggak pembangunan negara. Maju atau mundurnya sesebuah tamadun bangsa pada masa hadapan diukur daripada tahap kualiti belia pada hari ini. Sejarah telah membuktikan hakikat ini apabila Nabi Muhammad SAW membina tamadun islam dengan disokong kuat oleh golongan belia seperti Abu Bakar Al-Siddiq berusia 37 tahun, Umar Al-Khattab berusia 27 tahun, Uthman Bin Affan berusia 34 tahun dan lain-lain lagi. Sahabat dan sepupu nabi iaitu Jaafar Bin Abi Talib ketika berusia 20 tahun telah dilantik menjadi ketua rombongan hijrah dari Mekah ke Habsyah, manakala Usamah bin Zaid pula dilantik sebagai panglima tentera islam dan dihantar ke Palestin ketika berusia 18 tahun (Mohd Ismail, 2005).

Dalam konteks Malaysia, harapan untuk menjadi negara maju pada tahun 2020 adalah ditentukan oleh generasi belia yang seimbang daripada segi intelek, spiritual, emosi dan jasmani berdasarkan keimanan kepada Allah seperti digariskan dalam falsafah pendidikan kebangsaan dan dasar pembangunan belia negara. Ini kerana negara perlu maju bukan sahaja daripada segi ekonomi, malah dalam semua aspek merangkumi politik, sosial, spiritual, psikologi dan budaya (Mahathir, 1991). Walau bagaimanapun, hasrat Malaysia untuk menjadi negara maju tentunya menjadi rumit sekiranya belia di negara ini terjebak dengan tingkah laku negatif dan permasalahan akhlak yang sangat bertentangan dengan nilai-nilai ketimuran dan prinsip islam.

Proses pembentukan akhlak belia bukan sahaja berlaku menerusi pendidikan formal di sekolah, malah pendidikan secara tidak formal yang dilalui bersama ibu bapa di luar alam persekolahan sejak kanak-kanak memberi kesan yang besar kepada kehidupan belia. Selain ibu bapa, peranan rakan sebaya juga mempunyai hubungan ke atas perkembangan belia. Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti hubungan pendidikan keagamaan oleh ibu bapa dan pertautan rakan sebaya dengan penghayatan akhlak islam dalam kalangan belia universiti. Pendidikan keagamaan oleh ibu bapa dalam kajian ini merangkumi aspek pendidikan hal-hal yang berkaitan keagamaan, aspek ketegasan dan aspek tauladan (Abdullah Nasih, 2000). Pertautan rakan sebaya dalam kajian ini ditakrifkan sebagai hubungan akrab dan mesra dengan rakan sebaya merangkumi aspek komunikasi, rasa disingkirkan atau rasa diterima dan aspek kepercayaan (Armsden & Greenberg, 1987).

DEFINISI BELIA

Belia dan remaja secara umumnya merujuk kepada suatu tahap perkembangan dalam kehidupan seorang individu. Pada tahap tersebut, bermulalah perubahan-perubahan pada tubuh badan, kematangan dalam berfikir dan perkembangan emosi serta mula berlakunya proses penyesuaian diri kepada kehidupan bermasyarakat dan berperanan sebagai orang dewasa (Steinberg, 2011; Ingersoll, 1989; Keniston, 1971). Manakala Hall (1916, dalam Muhd. Mansur & Siti Nurdina, 1992) menjelaskan bahawa belia

adalah satu tempoh atau waktu yang penuh dengan konflik dan masalah. Dalam konteks pelajar universiti, Keniston (1971) pula menggambarkan bahawa golongan ini terpisah dalam beberapa keadaan dengan masyarakat dewasa. Sebahagian mereka lebih suka menganggap diri mereka masih lagi berada dalam alam remaja manakala yang lainnya sudah berada pada tahap belia muda (young adults).

Menurut pelan program strategik belia Komanwel, belia dikategorikan sebagai individu berumur 15 hingga 29 tahun (Commonwealth Youth Programme Strategic Plan For 2008 – 2012). Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pula mentafsirkan belia daripada kalangan mereka yang berumur 15 hingga 25 tahun (UNESCO). Dasar Pembangunan Belia Kebangsaan Malaysia mendefinisikan belia sebagai individu yang berumur antara 15 hingga 40 tahun (Kementerian Belia Dan Sukan, 1997). Lingkungan umur yang ditetapkan oleh Malaysia ini disifatkan sebagai ‘economically active’ iaitu dilihat sebagai bertujuan memasukkan mereka dalam program pembangunan yang sama (Sarjit & Wan Ahmad Amir Zal, 2008; Mohd Ismail, 2005). Walau bagaimanapun, aktiviti dan program pembangunan belia di negara ini lebih memberi fokus kepada belia dalam usia 18 hingga 25 tahun (Mohd Razali & Sarjit, 2010; Faizah, 2007; Kementerian Belia Dan Sukan, 1997).

Menurut islam, istilah belia tidak disebut secara khusus, namun dijelaskan sebagai bermulanya tahap belia apabila baligh iaitu apabila sampai umur untuk dipertanggung jawabkan dalam urusan agama (Razaleigh & Ahmad Tarmizi, 2010). Tanda baligh bagi seseorang individu dapat dilihat berdasarkan lima tanda iaitu tiga bagi lelaki dan dua bagi wanita. Bagi lelaki iaitu bermimpi (keluar air mani), pertumbuhan fizikal tubuh badan dan bersuara garau atau kasar, manakala bagi perempuan, dua tanda iaitu apabila datang haid atau mengandung (Jamali, Khaidzir, Shaharuddin & Noriah, 2010; Razaleigh & Ahmad Tarmizi, 2010). Golongan belia diberi penghormatan yang tinggi dalam islam sehingga Al-Quran sendiri telah merakamkan kisah sekumpulan belia yang tegas mempertahankan keimanan seperti dalam surah al-kahfi, ayat 13 (sesunguhnya mereka itu adalah pemuda-pemuda yang beriman kepada tuhan mereka dan kami tambahkan kepada mereka petunjuk).

Pembangunan belia

Pembangunan belia bermaksud suatu proses perubahan yang membawa kemajuan dan perkembangan dalam pelbagai aspek kehidupan belia. Ia meliputi pembangunan akhlak, moral dan spiritual, sosial, ekonomi, politik, pendidikan, budaya, perundungan dan sebagainya (Azizan, 1991). Pembangunan belia menjadi agenda penting bagi sesebuah negara. Pada tahun 2006, dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK-9), kerajaan Malaysia telah menekankan pembangunan modal insan yang bukan sahaja mempunyai kemahiran saintifik yang canggih tetapi turut mempunyai nilai moral dan kerohanian yang tinggi dan “berminda kelas pertama” (Sarjit & Wan Amir Zal, 2008; Abdullah, 2006).

Pembangunan belia dengan pendekatan pembangunan belia positif sangat penting dalam sesebuah negara kerana pendekatan ini memberi tumpuan kepada kemahiran, persekitaran dan tingkah laku positif seiring dengan pembentukan jati diri, sikap dan personaliti yang positif untuk menimbulkan keyakinan diri yang tinggi bagi setiap belia dalam mengharungi cabaran hidup mereka (Fazilah, 2009). Pendekatan ini mengambil kira pembangunan belia sebagai satu proses sosial yang melibatkan diri belia, orang dewasa, masyarakat, agensi kerajaan dan sekolah dalam menyediakan peluang kepada belia untuk meningkatkan minat, kemahiran dan kebolehan mereka sebagai persediaan menuju alam dewasa (University Of Minnesota Extension, 2005).

Permasalahan akhlak belia

Pada tahun 2005, seramai 11 juta iaitu 42.5 peratus daripada 26.13 juta penduduk Malaysia terdiri daripada golongan belia. Pada tahun 2010, golongan belia meningkat kepada 11.26 juta iaitu 40.6 peratus daripada populasi keseluruhan penduduk Malaysia (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010; Shahruddin, Azman & Mazlan, 2010). Memandangkan hampir separuh penduduk negara ini terdiri daripada golongan belia, permasalahan sosial dan akhlak juga banyak melibatkan golongan ini. Gejala seks bebas, pengguguran kandungan, kelahiran anak luar nikah, pembuangan bayi dan pengambilan dadah dalam kalangan remaja dan belia hari ini bukan lagi menjadi suatu perkara asing dalam masyarakat. Realitinya, pada masa kini mereka menerima perlakuan ‘intim’ seperti berpeluk, bercium dan hubungan seks antara pasangan kekasih sebagai suatu gaya hidup yang normal. Kajian menunjukkan 60-70 peratus pelajar sekolah rendah berumur 9-12 tahun mengetahui mengenai seks dan berminat untuk mengetahui lebih lanjut melalui bahan-bahan lucah (Mohd. Fauzi & Mohd. Khairul Naim, 2012).

Laporan mengenai fenomena remaja Malaysia dan seks luar nikah turut didedahkan oleh Healthcare Malaysia Sdn. Bhd yang dibuat oleh Durex 2002 ke atas 2,500 responden lelaki dan wanita yang berumur antara 18-30 tahun tanpa mengira bangsa. Berdasarkan soal selidik yang diedarkan, didapati remaja yang berumur dalam lingkungan 18 hingga 24 tahun paling kerap melakukan hubungan seks dan melahirkan anak luar nikah. Secara purata, remaja melakukan hubungan sebanyak 121 kali setahun atau tiga kali seminggu dan percintaan merupakan faktor utama responden melakukan seks luar nikah (Mohd. Fauzi & Mohd. Khairul NAim, 2012; Farahwahida & Norzila, 2011).

Bagi kes pembuangan bayi, statistik yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) pula menunjukkan bahawa sebanyak 396 kes dicatatkan dari tahun 2005 hingga 2009 dengan sebahagian besar yang terlibat adalah belia berusia antara 18 hingga 25 tahun (Rohaniza Idris & Umi Nadirah, 2010). Kes kelahiran anak luar nikah pula, statistik Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) merekodkan bahawa pada tahun 2000 hingga 2008, sebanyak 257,000 kelahiran bayi yang didaftarkan tidak mempunyai nama bapa. Ini bermakna secara purata 2,500 kes anak luar nikah

direkodkan setiap bulan atau hampir 84 kes pada setiap hari (Khadijah, Salina, Fauziah, Noremy, Mohd Suhaimi & Noorhasliza, 2012). Lebih menyediakan apabila permasalahan sosial ini turut menular dalam kalangan belia di institusi pengajian tinggi (Hashim, Khairulhelmi, Mohd Fahmi & Syed Mohamed, 2008; Khaidzir, Khairil Anwar & Hanina, 2010).

Peranan ibu bapa dan rakan sebaya dalam pembentukan tingkah laku belia

Banyak kajian mendapati pengaruh ibu bapa mempunyai hubungan yang signifikan dengan tingkah laku belia. Hubungan yang baik dengan ibu bapa mempunyai perkaitan kuat dengan tahap estim kendiri belia (Armsden & Greenberg, 1987), memberi kesan kepada eksplorasi diri (Mohamad Isa, 2011), mempengaruhi pencapaian dalam akademik (Zulkifli, Jamilah, Aminah & Ismi, 2011), mempengaruhi moral belia (Wan Noor Shazalina, 2009) dan memberi kesan kepada penghayatan akhlak islam (Azhar, 2006; Ahmad Munawar & Mohd Nor Shahizan, 2011). Belia yang mempunyai masalah tingkah laku pula sering dikaitkan dengan kesan pengaruh ibu bapa yang negatif (Siti Rabaah, Turiman, Azimi & Ezhar, 2012; Hashim et al., 2008; Mohd Ismail, 2005; Siti Rohana, 2004; Wan Liz Ozman, 2000; Emmanuelle, 2009).

Menurut teori ekologi manusia (Bronfenbrenner, 1979), tingkah laku manusia terbentuk hasil interaksi dengan persekitaran yang terbahagi kepada lima sistem iaitu mikrosistem, mesosistem, ekosistem, makrosistem dan kronosistem. Mikrosistem adalah konteks yang paling terdekat kepada manusia dan mempengaruhi tingkah lakunya berbanding konteks yang lain (Miller, 2007). Bagi seorang belia, konteks yang paling utama dan lazim mempengaruhinya secara langsung adalah keluarga khususnya ibu bapa dan diikuti oleh konteks sistem luar keluarga iaitu rakan sebaya, jiran tetangga dan sekolah (Rozumah, 2009). Bandura (1977) dalam teori pembelajaran sosial turut menekankan bahawa pembentukan tingkah laku manusia adalah hasil interaksi individu, persekitaran dan tingkah laku manusia itu sendiri. Menurut teori ini, belia banyak belajar melalui peniruan dan pemerhatian daripada orang yang signifikan dengan kehidupan mereka bermula daripada ibu bapa dan diikuti oleh rakan sebaya (Merriam, Caffarella & Baumgartner, 2007; Azhar, 2006).

Dalam islam, proses pendidikan seorang anak bermula sejak bayi dan ibu bapa bertanggung jawab menentukan masa depan anak-anak mereka seperti dijelaskan dalam hadis Rasulullah SAW yang bermaksud: setiap anak dilahirkan di atas fitrah, maka kedua ibu bapanya menentukan sama ada menjadi yahudi, nasrani atau majusi (Riwayat Bukhari & Muslim Dalam Hasnan, 2008). Pendidikan kepada seorang anak bermula sejak kecil dalam institusi keluarga secara tidak formal merangkumi pendidikan akidah, ibadah dan akhlak (Mustafa, 1997, Abdullah Nasih, 2000). Ini amat penting bagi memastikan anak-anak mendapat pendedahan awal tentang agama bagi membentuk nilai kerohanian yang mantap dalam diri anak-anak (Abdul Monir Yaacob, 2007). Individu yang lahir dan membesar dalam keluarga yang mementingkan ilmu pengetahuan dan menekankan akhlak yang mulia akan

menghasilkan impak berguna kepada agama, masyarakat dan negara. Menurut Abdullah Nasih Ulwan (2000), methodologi pendidikan anak-anak yang berkesan pula perlu dilakukan oleh pendidik sama ada ibu bapa dan guru merangkumi lima perkara iaitu melalui contoh teladan, kebiasaan atau adat, pengajaran, pemerhatian dan melalui hukuman atau denda. Pendidikan menerusi contoh teladan yang baik oleh ibu bapa sama ada dalam percakapan atau perbuatan adalah sangat berkesan kerana ibu bapa adalah ‘role model’ kepada anak-anak (Mahmood, 2008). Selain daripada itu, penekanan kepada aspek disiplin juga sangat penting dilakukan oleh ibu bapa di rumah dan tidak sewajarnya diserahkan sepenuhnya kepada pihak sekolah. Ini kerana hakikat pembentukan akhlak anak-anak bermula di rumah iaitu oleh ibu bapa yang menekankan aspek disiplin dalam keluarga (Asmak, 2006).

Menurut al-ghazali (1988) akhlak seorang manusia boleh dibentuk dan diasuh menjadi akhlak yang baik menerusi kaedah mujahadah (perjuangan) dan riyadah (latihan). Kaedah ini merujuk kepada kaedah pendidikan akhlak dengan meningkatkan ilmu pengetahuan agama islam dan berusaha bersungguh-sungguh melakukan kebaikan sehingga menjadi kebiasaan dalam bertingkah laku (Mohd. Nasir, 2010). Kaedah ini dinamakan sebagai sebagai tazkiyah al-nafs (pembersihan jiwa) (Zakaria, 2009). Peranan ibu bapa sangat penting dalam proses pembersihan jiwa ini dan diikuti oleh rakan sebaya. Ibu bapa bukan sahaja bertanggung jawab dalam mendidik anak-anak mereka tetapi perlu memastikan anak-anak mereka bergaul dengan rakan sebaya yang baik akhlaknya (Mohd. Nasir, 2010; Asmawati, 2009).

Dalam pembangunan belia, rakan sebaya adalah kumpulan yang paling hampir dengan mereka dan banyak mempengaruhi pembentukan akhlak dan tingkah laku mereka (Bronfenbrenner, 1979; Bandura, 1977; Asmawati, 2009), malah rakan sebaya dikatakan sebagai ibu bapa kedua kepada belia (Asmak, 2006) kerana hubungan yang akrab sehingga mengatasi pengaruh ibu dalam kehidupan mereka lebih-lebih lagi bagi belia yang menghadapi masalah dengan ibu bapa mereka (Jamali et al., 2010). Rakan sebaya yang baik adalah cerminan kepada belia untuk berakhhlak mulia dan begitu juga sebaliknya. Kajian-kajian tentang punca gejala sosial dan keruntuhan akhlak belia banyak dikaitkan dengan pengaruh rakan sebaya (Siti Rabaah et al., 2012; Hashim et al., 2008; Wan Liz Ozman, 2000; Mohd Ismail, 2005). Memandangkan pertautan yang rapat dengan rakan sebaya melibatkan aspek kepercayaan, rasa disingkirkan atau rasa diterima dan aspek komunikasi, Armsden Dan Greenberg (1987) telah mengaplikasikan teori pertautan rakan sebaya ke atas belia universiti dan kajian ini kemudiannya menjadi asas kepada kajian pertautan rakan sebaya oleh pengkaji lain selepas itu.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan menggunakan pendekatan kuantitatif dan data diperoleh dengan menggunakan borang soal selidik yang diubahsuai daripada instrumen kajian Wan Noor Shazalina (2009) bagi pendidikan keagamaan oleh ibu bapa, Armsden & Greenberg (1987) bagi pertautan rakan sebaya dan Azhar (2006) bagi penghayatan akhlak islam. Borang soal selidik ini mengandungi empat bahagian utama yang mempunyai soalan berbentuk 5 skala likert. Bahagian A berkenaan latar belakang responden kajian, Bahagian B berkaitan pendidikan keagamaan oleh ibu bapa, manakala Bahagian C tentang pertautan rakan sebaya dan Bahagian D pula mengenai penghayatan akhlak islam. Hasil daripada ujian cronbach alpha yang dijalankan terhadap instrumen kajian menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang tinggi (jadual 1) dan ini bersesuaian dengan pandangan Cohen, Manion Dan Morrison (2007) seperti jadual 2.

Jadual 1: Nilai “Cronbach Alpha”

Pemboleh ubah	Nilai <i>cronbach alpha</i>
Pendidikan keagamaan oleh ibu bapa	0.901
Pertautan rakan sebaya	0.917
Penghayatan akhlak islam	0.835

Jadual 2: Klasifikasi Indeks Kebolehpercayaan

Nilai <i>cronbach alpha</i>	Indikator kebolehpercayaan
>0.90	Sangat tinggi
0.80 – 0.90	Tinggi
0.70 – 0.79	Boleh diterima
0.60 – 0.69	Rendah
< 0.60	Tidak boleh diterima

Sumber : Cohen, et al. (2007)

Populasi kajian adalah belia universiti di sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) terpilih seramai 2344 orang. Sampel dipilih secara rawak berstrata. Berdasarkan asas penetapan saiz sampel yang dikemukakan oleh Krejcie & Morgan (1970), responden hendaklah sekurang-kurangnya 330 orang. Pengkaji telah melebihkan saiz sampel sehingga 403 kerana semakin besar saiz sampel diambil, maka semakin diyakini sesuatu kajian yang dijalankan (Cohen et al., 2007). Selain daripada itu, saiz sampel dilebihkan bagi memastikan hanya soal selidik yang benar-benar lengkap sahaja dimasukkan sebagai data. Data dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 20. Ujian inferential pearson's correlation dilakukan untuk melihat hubungan antara pembolehubah-pembolehubah yang terdapat dalam kajian ini.

HASIL KAJIAN

Demografi responden

Hasil daripada analisis frekuensi dan peratusan menunjukkan seramai 109 (27%) responden terdiri daripada pelajar lelaki, manakala 294 (73%) adalah pelajar perempuan. Selain daripada itu, dapatan kajian ini menunjukkan seramai 203 (50.4%) responden terdiri daripada pelajar aliran sains dan 200 (49.6%) responden adalah daripada pelajar aliran sastera. Profil responden berdasarkan keputusan peperiksaan purata nilai gred komulatif (PNGK) menunjukkan seramai 36 (8.9%) responden mendapat keputusan pngk melebihi 3.67, 246 (61%) responden mendapat PNGK 3.00 hingga 3.66, 109 (27%) responden mendapat pngk 2.00 hingga 2.99 dan hanya 6 (1.5 %) responden mendapat PNGK di bawah 2.00, manakala enam responden tidak menyatakan status keputusan peperiksaan mereka.

Profil keluarga

Hasil analisis frekuensi dan peratusan mendapati seramai 95 (23.6%) responden berada pada tahap pendapatan keluarga kurang daripada RM1,000 sebulan, 172 (42.7%) responden berada pada tahap pendapatan keluarga antara RM1,001 hingga RM3,000 sebulan, manakala 73 (18.1%) responden berada pada tahap pendapatan keluarga antara RM3,001 hingga RM5,000 sebulan dan seramai 63 (15.6%) responden berada pada tahap pendapatan keluarga melebihi RM5,000 sebulan. Hasil analisis terhadap status hubungan ibu bapa responden pula menunjukkan bahawa 340 (84.4%) ibu bapa masih mengekalkan status perkahwinan mereka sebagai suami isteri, manakala 19 (4.7%) ibu bapa responden telah pun bercerai. Dapatkan kajian turut menunjukkan 37 (9.2%) responden telah kematian bapa dan 7 (1.7%) responden telah kematian ibu.

Analisis korelasi pearson

Tahap korelasi sesuatu hubungan sama ada sangat tinggi, tinggi, sederhana, rendah dan sangat rendah ditentukan dengan merujuk kepada jadual guilford's rule of thumbs seperti jadual 3.

Jadual 3: Guilford's Rule Of Thumbs

Nilai pekali korelasi (r)	Tafsiran hubungan
<0.20	Korelasi sangat rendah
0.20 - 0.40	Korelasi rendah
0.40 - 0.70	Korelasi sederhana
0.70 - 0.90	Korelasi tinggi
> 0.9	Korelasi sangat tinggi

Sumber: *guilford* (1956)

Hasil analisis korelasi pearson (jadual 4) menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan pada tahap sederhana antara pemboleh ubah pendidikan keagamaan oleh ibu bapa dengan penghayatan akhlak islam ($r=.447$, $p=.000$), manakala antara pemboleh ubah pertautan rakan sebaya dengan penghayatan akhlak islam pula menunjukkan hubungan yang signifikan pada tahap rendah ($r=.285$, $p=.000$).

Jadual 4: Hubungan Antara Pendidikan Keagamaan oleh Ibu Bapa dan Pertautan Rakan Sebaya dengan Penghayatan Akhlak Islam

	Akhhlak	Pendidikan keagamaan oleh ibu bapa	Pertautan Rakan sebaya
Akhhlak	Korelasi pearson	.447**	.285**
	Sig. (2-tailed)	.000	.000
	N	403	403

**. Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

PERBINCANGAN

Berdasarkan dapatan kajian, pendidikan keagamaan oleh ibu bapa dan pertautan rakan sebaya tidak boleh dipandang ringan dalam pembentukan akhlak belia. Dapatkan ini sekali gus mengukuhkan lagi teori pendidikan akhlak Al-Ghazali (1988) bahawa pentingnya pendidikan agama diberi penekanan dalam pembangunan rohani seorang manusia sejak kecil. Ini juga selaras dengan pandangan Abdullah Nasih (2000) bahawa ibu bapa bertanggung jawab memberi pengajaran, mendidik anak-anak dengan menunjukkan contoh teladan yang baik di samping turut menekankan kaedah hukuman dan denda apabila keadaan memerlukan demikian seperti hadis Rasulullah SAW (Riwayat Abu Daud Dalam Zakaria, Ahmad Munawar & Abdul Fatah, 2012) yang bermaksud: “suruhlah anak-anak kamu bersolat ketika berumur tujuh tahun dan pukullah mereka ketika berumur sepuluh tahun sekiranya masih belum menuai solat”.

Pengaruh ibu bapa dalam pembentukan akhlak belia dalam kajian ini dilihat turut dipengaruhi oleh status hubungan ibu bapa responden yang masih mengekalkan status perkahwinan mereka sebagai suami isteri berbanding hanya 4.7 peratus sahaja yang telah bercerai. Dapatkan ini selaras dengan kajian oleh Asmak (2006) ke atas remaja di Petaling Jaya dan Shah Alam yang mendapati bahawa sebahagian besar aspek yang diperlukan oleh mereka dalam usaha menangani permasalahan akhlak adalah dengan perhatian yang diberikan oleh kedua ibu bapa mereka (29.8 peratus), diikuti oleh nasihat dan bimbingan (23.4 peratus), program motivasi (26 peratus), program pemantapan iman (7.8 peratus), penguatkuasaan (6.4 peratus) dan lain-lain (6.4 peratus). Pengabaian terhadap anak-anak dan sikap yang tidak konsisten dalam

mendisiplinkan anak-anak boleh menjadi punca kepada tingkah laku delikensi dalam diri belia (Bandura & Walter, 1963).

Selain ibu bapa, dapatan ini membuktikan pertautan rakan sebaya turut mempengaruhi pembentukan akhlak belia. Apabila anak-anak mula membesar, proses pembentukan akhlak mula dipengaruhi oleh rakan sebaya. Pertautan rakan sebaya yang positif dan baik merangkumi aspek kepercayaan, rasa diterima atau rasa disingkirkan dan aspek komunikasi turut mempunyai hubungan dengan pembentukan akhlak belia universiti. Ini membuktikan rakan sebaya adalah individu yang rapat dengan belia dan menjadi satu keperluan dalam kehidupan mereka. Ini menunjukkan peranan rakan sebaya tidak boleh diperkecilkan dalam membangunkan belia khususnya belia universiti yang tinggal berjauhan daripada ibu bapa. Ini selaras dengan pandangan Jumali et al. (2010) bahawa belia pada tahap usia 18 hingga 25 tahun iaitu pada tahap akhir remaja sememangnya ingin sentiasa bersama rakan sebaya dalam menjalani kehidupan. Bagi belia, rakan sebaya adalah agensi tidak formal yang memberi pengalaman yang tidak dapat diperoleh daripada keluarga dan sekolah (Asmak, 2006). Terbukti hasil dapatan kajian ini menunjukkan rakan sebaya mempunyai pengaruh dalam pembentukan akhlak belia seperti disebut dalam hadis Rasulullah SAW (dalam Mohd Ismail, 2005) yang bermaksud:

“....sesungguhnya diumpamakan teman yang baik dan teman yang jahat itu seperti pembawa minyak wangi dan tukang besi. Bagi pembawa minyak wangi, sama ada dia memberimu sedikit atau kamu membeli wangian itu atau kamu dapat mencium daripadanya bau-bauan yang wangi. Bagi tukang besi, boleh jadi percikan besinya mengoyakkan baju kamu atau mendapat bau-bauan yang busuk daripadanya.....”

KESIMPULAN

Berdasarkan kajian yang dilakukan dapat disimpulkan bahawa pengaruh ibu bapa sangat besar dalam pembentukan akhlak belia seperti pepatah Melayu “melentur buluh biarlah dari rebungnya”. Pendidikan yang baik oleh ibu bapa adalah bermula daripada diri ibu bapa itu sendiri dengan memberi contoh teladan yang baik dan menjadi “role model” kepada belia. Hasilnya belia menjalani kehidupan beragama yang sempurna, memiliki jati diri yang kuat dan tidak mudah terpengaruh dengan gejala keruntuhan akhlak yang berlaku di sekeliling mereka. Selain ibu bapa, pertautan rakan sebaya yang baik dan positif juga sangat penting dalam membentuk akhlak belia. Justeru itu, dalam membangunkan belia, fungsi ibu bapa dan rakan sebaya perlu diambil kira sama ada oleh masyarakat setempat maupun negara. Secara keseluruhannya, kajian ini diharapkan akan dapat membantu semua pihak yang terlibat dalam pembangunan belia supaya generasi belia akan datang bebas daripada masalah keruntuhan akhlak dan bersama-sama membangunkan tamadun bangsa menuju masa depan negara yang gemilang.

RUJUKAN

- Abdullah nasih, u. 2000. *Pendidikan anak-anak menurut pandangan islam*. Jilid 2. Kuala Lumpur: JAKIM.
- Abdullah, B. 2006. *Membina tamadun menjulang martabat negara*. Ucapan perdana menteri yab dato' seri abdullah ahmad badawi semasa membentangkan usul mengenai rmk-9, 2006-2010 di dewan rakyat pada 31 mac 2006. Diambil daripada <http://www.ipislam.edu.my/index.php/artikel/read/400/membina-tamadun-menjulang-martabat-negara> pada 17 mei 2012.
- Abdul Monir, Y. 2007. Membentuk keluarga menerusi nilai-nilai kekeluargaan islam. Dlm. Azrina, s. *Keluarga islam, kemahiran keibubapaan dan cabaran semasa*. Kuala lumpur: mph group publishing & Institut Kafahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Ahmad Munawar, I., & Mohd Nor Shahizan, a. (2011). Media penyiaran: implikasinya dalam pembentukan akhlak penuntut-penuntut melayu di Sekolah Menengah Kebangsaan Di Malaysia. *Akademika*, 81(3), 3-8.
- Al-Ghazali, M. 1988. *Ihya' Ulumuddin*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Armsden, G. C. And m. T. Greenberg. 1987. The inventory of parent and peer attachment: individual differences and their relationship to psychological well-being in adolescence. *Journal of youth and adolescence*, 16(5): 427-454.
- Asmak, H. A. 2006. Salah laku sosial remaja masa kini: cabaran dan penyelesaiannya. Dlm Abd. Rahim, A. R., Sufean, H., & Jamaludin, T. *Institusi keluarga menghadapi cabaran alaf baru*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors sdn. Bhd.
- Asmawati, S. 2009. *Pendidikan akhlak dan adab islam konsep dan amalan*. Kuala lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Azhar, A. 2006. *Strategi pembelajaran kendiri pendidikan islam dan penghayatan akhlak pelajar sekolah menengah di sarawak*. (tesis phd tidak diterbit). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Azizan, B. 1991. *Belia dan masyarakat*. Pulau pinang: Majlis Belia Pulau Pinang.
- Bandura, A., & Walters, R.H. 1963. *Social learning and personality development*. Usa: hot, rinehart and winston, inc.

- Bandura, A. 1977. *Social learning theory*. New Jersey: Prentice-Hall.
- Bronfenbrenner, U. 1979. *The ecology of human development: experiments by nature and design*. Cambridge, ma: harvard university press.
- Cohen, L., Manion, L. & Morrison, K. 2007. *Research method in education*. (6th ed.). London: Routledge Falmer.
- Commonwealth youth programme strategic plan 2008 – 2012. Diambil pada 14 februari, 2012 daripada http://www.thecommonwealth.org/files/229253/filename/commonwealthyouthprogramme_strategicplan2008-2012.pdf
- Dasar Pembangunan Belia Negara. 1997. Putrajaya: Kementerian Belia Dan Sukan.
- Emmanuelle, V. 2009. Inter-relationships among attachment to mother and father, self-esteem, and career indecision. *Journal of vocational behavior* 75(2): 91-99.
- Faizah, Y. 2007. Youth employment and employability in malaysia. Round table discussion on youth for nation building. Diambil pada 16 mac, 2012 daripada http://www.ippbm.gov.my/v2/index.php?option=com_rubberdoc&view=catalog&id=32&itemid=25&lang=bn&limitstart=20
- Farahwahida, M. Y, Norzila, S. 2011. Persepsi pelajar institut pengajian tinggi awam terhadap amalan seks bebas. *Journal of education psychology & counseling*, 1,94-114.
- Fazilah, I. 2009. Personaliti, belia dan perpaduan etnik dalam personaliti dan pembangunan insan. Dlm Khairul Anwar, M., Hasnan, K., Mohamad Mohsin, M.S., Zaharah, H., Fazilah, I., & Fatin Hazwani, S. *Personaliti dan pembangunan insan* (pp. 163-186). Bangi. Pusat Pengajaran Umum UKM.
- Guilford, J. P. 1956. *Fundamental statistics in psychology and education*. (3rd. Ed.). New york: mcgraw-hill book co. Inc.
- Hashim, B., Khairulhelmi, K., Mohd Fahmi, M.S., Syed Mohamed Syafeq, S.M. 2008. *Keruntuhan akhlak dan gejala sosial dalam keluarga; isu dan cabaran*. Dalam Seminar Kaunseling Keluarga, 30 ogos 2008, Johor Bahru, Malaysia.
- Hasnan, K. 2008. *Pendidikan remaja muslim*. Putrajaya: JAKIM.
- Ingersoll, G. M. 1989. *Adolescence* (2nd ed.). New Jersey: Prentice Hall.

- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2011. Diambil pada 13 februari, 2012 daripada <http://www.statistics.gov.my/portal/>.
- Jamali, S., Khaidzir, I., Shaharuddin, A., & Noriah, I. 2010. *Pembinaan sahsiah remaja proses dan perkembangan*. Bangi: Pusat Perkembangan Pelajar UKM.
- Kementerian Belia Dan Sukan. 1997. Dasar Pembangunan Belia Kebangsaan Malaysia. Diambil pada 17 februari, 2012 daripada http://www.unescap.org/esid/hds/youth/youth_malaysia.pdf
- Keniston, K. 1971. *Youth and dissent: the rise of a new opposition*. New York: Harcourt Brace Jovanovich.
- Khadijah, A., Salina, N., Fauziah, I., Noremy, M. A., Mohd Suhaimi, M., & Noorhasliza, M. N. 2012. Hamil luar nikah dalam kalangan remaja. *E-bangi: Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 7(1 (special)), 131-140.
- Khaizir, I., Khairil Anwar, & Hanina, H. Hamsan. 2010. Analisis kecenderungan penyalahgunaan bahan dan faktor keagamaan: kajian kes terhadap belia di sebuah IPTA. *Malaysian Journal Of Youth Studies*, 3, 225 - 236.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. 1970. Determining sample size for research activities. *Educational and psychological measurement*, 30(3), 607.
- Mahathir, M. 1991. *The way forward- vision 2020*. Working paper presented at the launching of malaysian business council. Kuala Lumpur.
- Mahmood, Z. 2008. *Famili harmoni memupuk keluarga bahagia*. Shah alam: Karya Bestari Sdn. Bhd.
- Mohamad Isa, A. 2011. *Pertautan ibu bapa dan rakan sebaya dalam kalangan pelajar universiti serta hubungannya dengan yakin diri dan eksplorasi diri*. (tesis phd tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor.
- Mohd. Nasir, O. 2010. *Falsafah akhlak*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Merriam, S. B., Caffarella, R. S., & Baumgartner, L. M. 2007. *Learning in adulthood: a comprehensive guide*. San Francisco: John Wiley & Sons. Inc
- Miller, S. A. 2007. *Developmental research method*. 3rd. Ed. California: sage publication, inc.

- Mohd. Fauzi, H., & Mohd. Khairul Naim, C.N. 2012. Tinjauan kepentingan pembangunan modal insan di malaysia (review on the importance of human capital development in malaysia). *Jurnal Al-Tamaddun Bil*, 7(1), 75-89.
- Mohd Ismail, M. 2005. *Menjadi belia cemerlang*. Kuala lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Mohd Razali, H. & Sarjit S. G. 2010. Penyertaan belia dalam program pembangunan komuniti di Felda Jerangau, Terengganu. *Malaysian Journal Of Youth Studies*, 3, 257 - 275.
- Muhd. Mansur, A., & Siti Nordina, M. T. 1992. *Psikologi remaja*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Mustafa, H. D. 1997. *Institusi kekeluargaan islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Razaleigh, M., & Ahmad Tarmizi, T. 2010. Penyelesaian masalah belia dari perspektif agama. *Malaysian Journal Of Youth Studies*, 3, 38 - 51.
- Rohaniza Idris & Umi Nadirah Abdul Rahman. Empat lagi kes buang bayi dalam berita harian 14 ogos 2010. Diambil dari <http://www.bharian.com.my/bharian/articles/empatlagikesbuangbayi/article> pada 17 mei 2012.
- Rozumah, B. 2009. Utiliti kerangka kerja kontekstual dalam penganalisan pembangunan manusia. Dalam Rozumah, B & Mansor A. T. *Pembangunan manusia dalam konteks*. Kuala Lumpur: Inreach Edition.
- Sarjit, S.G., & Wan Ahmad Amir Zal, W. I. 2008. Perubahan nilai budaya belia malaysia menuju wawasan 2020. *Jurnal Pembangunan Belia Malaysia*, 1, 15-34.
- Shahrudin, B., Azman, A., & Mazlan, C. S. 2010. Belia 1malaysia: antara cabaran dan harapan. *Malaysian Journal Of Youth Studies*, 2, 52-75.
- Siti Rabaah, H., Turiman, S., Azimi, H. & Ezhar, T. 2012. *The influences of sociological factors towards hedonistic behavior among malaysian youth*. Paper presented at the graduate research in education seminar greduc2012. 18 november 2012. Published by Faculty Of Educational Studies, Universiti Putra Malaysia.
- Siti Rohana, S. 2004. *Pengaruh faktor ekologi ke atas kemurungan remaja*. (tesis master tidak diterbitkan). Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.

- Steinberg, L. 2011. *Adolescence*. (9th ed.). New York: McGraw Hill.
- University Of Minnesota Extension. 2005. *Keys to quality youth development*. Dicapai pada 28 disember 2011 daripada <http://www.extension.umn.edu/distribution/youthdevelopment/da6715.html>
- UNESCO. Diambil pada 17 april, 2012 daripada <http://www.unesco.org/new/en/social-and-human-sciences/themes/youth/>
- Wan Noor Shazalina, W. S. 2009. *Kaitan tingkah laku keibubapaan dan pendidikan keagamaan dengan moral pelajar remaja*. (tesis sarjanamuda tidak diterbitkan). Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.
- Wan Liz Ozman, W. O. 2000. *Gagasan alaf baru: mencetus kebangkitan malaysian membina keagungan*. Batu Caves: Thinker's Library Sdn. Bhd.
- Zakaria, S. 2009. Manusia pembina tamadun: perspektif pemikiran islam. *Jurnal hadhari*, 1, 31-44.
- Zulkifli, A. H., O. Jamilah, Aminah, A & Ismi Arif, I. 2011. Hubungan di antara penglibatan ibubapa dan pencapaian akademik pelajar miskin di negeri selangor.” *jiae: journal of islamic and arabic education*. 3(2): 31-40.

Profil Penulis:

Rohana Tan

Ketua Penolong Pendaftar

Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan

Universiti Kebangsaan Malaysia

43600 UKM

Bangi Selangor

rohanatan@gmail.com

rohana@ukm.my

Norhasni Zainal Abiddin, Ph.D

Profesor Madya

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

43400 UPM

Serdang Selangor

nonie@putra.upm.edu.my

*Azimi Hamzah, Ed.D
Profesor
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM
Serdang Selangor
azimi@putra.upm.edu.my*

*Fathiyah Mohd Fakhruddin, Ph.D
Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM
Serdang Selangor
fathi@putra.upm.edu.my*